

Campur tangan dalam politik
timbulkan masalah: PM

Siapa harus tegur hakim?

BH

KUANTAN, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata terpujang kepada pihak yang mengetuai bidang kehakiman untuk menasihatkan hakim-hakim yang menyuarakan pendapat mereka mengenai politik secara terbuka.

"Saya tidak boleh menyentuh soal kehakiman kerana bukan hak saya untuk melakukannya tetapi ia adalah hak mereka yang mengetuai bidang berkenaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, hakim-hakim sepatutnya tidak menyuarakan sebarang

Oleh MUSTAPA OMAR

pendapat mengenai politik kerana ia akan menimbulkan masalah jika sesuatu kes yang membabitkan pendapat itu dibawa ke mahkamah.

Menurutnya, orang ramai sudah tahu pendiriannya mengenai perkara itu dan sukar bagi beliau untuk mengambil sikap berkecuali. Sepatutnya hakim tidak menyuarakan pendapat secara terbuka jika mereka mempunyai pendirian sendiri.

"Apa yang berlaku, ada pihak yang sepatutnya berkecuali dan tidak membabitkan diri dalam politik kini sudah menyertai politik, malah cuba mempengaruhi politik negara," katanya dalam sidang akhbar di akhir lawatannya selama tiga hari ke negeri ini hari ini.

Katanya, perkara yang sama

juga dialami oleh pegawai-pegawai kerajaan. Walaupun mereka mempunyai pandangan politik, mereka tidak dibenarkan memberi cadangan apa yang sepatutnya dibuat dalam bidang politik.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, cadangan untuk menyemak semula perlembagaan dikemukakan oleh pihak yang menentang kerajaan dan pembabitkan hakim dalam soal ini menimbulkan tandatanya sama ada mereka sudah memihak kepada parti lawan.

"Keadaaan itu sepatutnya tidak berlaku kerana ia akan menimbulkan unsur-unsur yang tidak sihat dalam urusan pengadilan di negara ini.

"Kita sudah tentukan bahawa hakim tidak sepatutnya campur tangan dalam bidang politik dan tidak ada sebab mereka perlu mencampuri urusan politik yang di luar bidang kuasa mereka," katanya.